

1.1 Kuantiti fizik

Pengukuran: Kaedah menentukan nilai kuantiti fizik.

| | |
|----------------|---|
| Kuantiti fizik | <ul style="list-style-type: none"> • mengandungi magnitud dan unit • kuantiti yang boleh diukur |
| Unit | <ul style="list-style-type: none"> • metrik (meter, liter, kilogram) • imperial (kaki, inci, batu, ela, gelen, psi) |

| Kuantiti asas | Kuantiti terbitan |
|---|---|
| Kuantiti fizik yang tidak boleh ditakrifkan dalam sebutan-sebutan kuantiti fizik yang lain | Kuantiti fizik yang terbentuk daripada gabungan kuantiti asas secara pendaraban, pembahagian atau kedua-duanya |
| Contoh | Contoh |
| panjang, l (m) jisim, m (kg) masa, t (s) suhu, T (K) arus elektrik, I (A) keamatan berluminositi, I _v (cd) kuantiti bahan, n (mol) | (selain asas = terbitan) luas, l x l isipadu, l x l x l ketumpatan, m / v laju, l / t pecutan, (v – u) / t |

Latihan: Unit SI

Menggunakan formula yang diberikan, nyatakan unit SI bagi setiap kuantiti fizik.

| Kuantiti fizik | Formula | Formula asas | Unit |
|----------------|-----------------------|--------------|------|
| Luas | $l \times l$ | | |
| Isipadu | $l \times l \times l$ | | |
| Halaju | $\frac{l}{t}$ | | |
| Pecutan | $\frac{v}{t}$ | | |
| Daya | $m \times a$ | | |
| Tekanan | $\frac{F}{A}$ | | |
| Kerja | $F \times l$ | | |